

Ucapan Y.B. Menteri Pelajaran di-Sekolah
Kebangsaan Mohd. Khir Johari, Johor Baharu
pada 28hb. April, 1971 pukul 9.00 pagi

Saya sangat besar hati kerana berpeluang pagi ini melawat Sekolah Kebangsaan Mohd. Khir Johari di-Johor Baharu dan ini-lah kali pertama saya melawat ka-sekolah ini dan berharap akan dapat membuat beberapa lawatan lagi pada masa yang akan datang.

Saya di-fahamkan kemajuan Sekolah Mohd. Khir Johari ini semenjak di-tubuhkan beberapa tahun yang lalu ada-lah memuaskan. Sungguh pun demikian, saya perchaya kita maseh mempunyai kesempatan dan peluang untok membaiki lagi keadaan pelajaran dan keputusan pepereksaan murid2 sekolah ini. Ini hanya dapat di-chapai sekiranya ada perasaan yang bersungguh2 hendak belajar dari murid2 dan juga usaha yang giat dari guru2 untok mengajar anak2 sakalian. Di-samping itu juga di-harap ibu bapa kita di-sekolah ini akan memberikan kerjasama mereka untok kebaikan dan kejayaan pelajaran anak masing2.

Pelajaran telah berkembang bagitu pesat di-negeri ini, ia-itu semenjak kita menchapai kemerdekaan, dan Kerajaan serta Kementerian Pelajaran khusus-nya ada-lah berusaha lagi untok membekalkan sekolah2 dengan segala kemudahan pelajaran untok anak2 kita. Sa-belum merdeka dahulu tidak ada sa-buah pun Sekolah Menengah Kebangsaan tetapi hari ini kita mempunyai banyak Sekolah2 Menengah Kebangsaan, boleh di-katakan tiap2 daerah sa-kurang2-nya mempunyai sa-buah Sekolah Menengah Kebangsaan. Maka sudah sa-wajar-nya-lah kemudahan yang di-adakan oleh Kerajaan di-gunakan sa-baik2-nya oleh anak2 kita untok mengisi dada masing2 dengan segala ilmu pengetahuan lebeh2 lagi pada zaman dunia mengutamakan pelajaran sains, ilmu hisab dan teknologi. Segala mata pelajaran memang susah tetapi kalau di-pelajari bersungguh2 saya perchaya mata2 pelajaran itu akan menjadi senang dan harus-lah penuntut2 ingat bahawa apa yang mereka

pelajari hari ini akan menolong mereka apabila dewasa kelak sama ada hendak bekerja sendiri atau pun bekerja dengan Kerajaan atau bekerja di-kilang2 perusahaan. Ilmu pengetahuan sains juga dapat menolong sa-saorang itu menchari mata pelajaran-nya sendiri tanpa bergantung pada pekerjaan dengan Kerajaan atau pun dengan sharikat2 perusahaan.

Belia negeri ini patut sedar bahawa peluang untuk bekerja dengan Kerajaan tidak-lah begitu banyak dan saya menyeru agar mereka berusaha sendiri dan kita sa-bagai sa-buah negara yang sedang membangun memang berkehendakkan ramai pekerja2 'Blue Collar' atau yang mahir dan bukan-nya pekerja2 'White Collar'.

Kapada penuntut2 yang berjaya di-dalam peperiksaan MCE/SPM, saya berharap mereka akan meneruskan pengajian Tingkatan VI dan seterusnya ka-Yayasan2 Pelajaran Tinggi dan Universiti2 di-negeri ini dan di-lain2 tempat dalam dunia. Kesempatan bagi mereka melanjutkan pelajaran memang ada dengan syarat mereka mempunyai kelulusan asas untuk membolehkan mereka mendapatkan tempat di-Yayasan2 Pelajaran Tinggi dan Universiti2 yang ada pada masa ini.

Kapada guru2 saya berharap di-samping mengasoh, mendidik dan mengajar anak2 kita elok-lah juga anak2 ini di-tanamkan semangat kebangsaan Malaysia tanpa meninbulkan soal2 perkaunan. Ini haruslah kita pandang dengan begitu mendalam, kalau mahukan negara ini menjadi tempat tinggal yang aman dan sentosa pada masa yang akan datang untuk ra'ayat yang berbilang kaum, ugama dan kebudayaan; kita hendak-nya menjadi satu ra'ayat yang mempunyai satu rupa bangsa, iaitu Malaysia.

Saya perchaya tugas guru2 memang berat dalam hal ini tetapi kalau guru2 tidak usahakan di-bilek darjah lagi bila-kah agak-nya peluang lain akan dapat di-perolehi untuk mengajar anak2 itu menjadi warganegara yang berguna kapada bangsa dan negara-nya. Saya juga berharap pada guru2 agar melengkapkan diri mereka dengan ilmu pengetahuan mengikut kehendak zaman; dan Kementerian saya memang dari sekarang akan mengadakan kursus2 dalam perkhidmatan tiap2 penggal chuti sekolah bukan sahaja bagi guru2 yang bukan Melayu untuk melengkapkan pengetahuan Bahasa Malaysia, malahan guru2 yang lain juga akan di-minta menghadziri kursus2 dalam perkhidmatan untuk melengkapkan diri masing2 dengan teknik pengajaran yang

moden. Oleh hal yang demikian, saya berharap kalau kesempatan itu di-berikan kepada guru2, maka gunakan-lah sa-baik2-nya demi kebaikan guru dan juga demi kebaikan pelajaran anak2 kita.

Akhir kata, sekali lagi saya ucapkan terima kaseh kerana kesempatan yang di-beri kepada saya melawat Sekolah Kebangsaan Mohd. Khir Johari pagi ini dan saya berharap tiap2 orang yang berkenaan di-sekolah ini akan menggunakan kemudahan yang ada untuk kemajuan pelajaran masing2.



No Siri 27
No Penerimaan 27/80